

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[Bukit Bendera]

SOALAN :

TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI [Bukit Bendera] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah ekuiti korporat yang dimiliki warga Malaysia mengikut kaum.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum tahun 2008, pengiraan ekuiti tidak dibuat setiap tahun. Maklumat terperinci pemilikan ekuiti modal saham berdasarkan kepada nilai tara mengikut kumpulan etnik tahun 2008 bagi pemilikan Bumiputera ialah RM127.4 bilion (21.9%), Cina RM203.1 bilion (34.9%), India RM9.6 bilion (1.6%) dan lain-lain etnik RM2.0 bilion (0.3%). Pada tahun 2011 pula, pemilikan Bumiputera bernilai RM211.5 bilion (23.4%) dan bukan Bumiputera RM314.5 bilion (34.9%). Manakala, maklumat terkini pemilikan ekuiti dalam sektor korporat bagi tahun 2012, 2013 dan 2014 sedang dimuktamadkan.

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS : **TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI**
DARIPADA [BUKIT BENDERA]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status pemasangan 1BestariNet, termasuk jumlah sekolah yang sudah dipasang dan jumlah yang belum lagi dipasang.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga 5 Mei 2016, sebanyak **8,921** sekolah telah dirangkaikan kepada perkhidmatan 1BestariNet, manakala sebanyak **1,250** sekolah masih menerima perkhidmatan internet lain (ISP) yang disediakan dalam tempoh interim sebelum disambung ke perkhidmatan 1BestariNet dalam pelaksanaan 1BestariNet Fasa 2.

RT 25/185

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
DARIPADA [BUKIT BENDERA]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah yang sudah dibelanjakan setakat ini bagi projek 1BestariNet, serta sama ada Kementerian bercadang untuk meneruskan projek ini setelah tamat kontrak sedia ada.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Setakat ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membelanjakan peruntukan yang diluluskan untuk Perkhidmatan 1BestariNet bagi projek 1BestariNet untuk tempoh kontrak (13 Disember 2011 hingga 12 Jun 2014 dan interim 1 hingga interim 6 (1 Januari 2016 – 31 Mac 2016) sebanyak RM1,042,061,766.54.

KPM akan meneruskan projek 1BestariNet dan telah mengambil tindakan penambahbaikan untuk menjamin kekurangan dalam fasa 1 tidak diulangi.